

20/07/2002

Seri di Pendang, Anak Bukit tidak jejas kekuatan BN

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Kadir Dikoh

KEPUTUSAN seri satu sama bagi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit jika pun bukan satu kejutan, ia tersasar daripada tekaan ramai pihak yang meramalkan keputusannya adalah 2-0, sama ada berpihak kepada Pas atau Barisan Nasional (BN).

Ini kerana Pas sejak awal lagi kelihatan begitu yakin dapat mempertahankan kedua-dua kawasan itu, manakala BN yang diwakili Umno menganggap ia pasukan 'underdog' dalam pertandingan itu.

Ramalan keputusan 2-0 kepada Pas itu juga kerana pertandingan kali ini berlaku di kawasan yang pernah diwakili Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor serta berdasar keputusan pilihan raya umum 1999 apabila Fadzil menang selesa dengan majoriti besar.

Umno pula sejak awal lagi mengakui pilihan raya itu sukar dimenangi kerana kedua-duanya adalah kubu kuat Pas serta faktor Fadzil sebagai presiden parti dan Ketua Pembangkang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengakui kawasan itu sukar ditembusi, terutama Pendang dan beliau sendiri pernah tewas pada 1964 ketika Pendang dikenali sebagai Kota Star Selatan.

Malah, jentera pilihan raya BN yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkerja keras berkempen, dibantu oleh jentera Wanita, Pemuda dan Puteri Umno serta semua komponen parti.

Selain itu, ia adalah kawasan majoriti Melayu yang pada pilihan raya umum lalu sebahagian besar daripada mereka memberi sokongan kepada Pas sehingga ada yang menyatakan pilihan raya Anak Bukit dan Pendang adalah medan ujian untuk melihat sama ada Melayu masih memberi sokongan kepada Pas atau sudah kembali kepada Umno.

Bagaimanapun, berdasarkan keputusan kelmarin, persoalan itu belum terjawab sepenuhnya kerana keputusan adalah seri, manakala majoritinya pula tipis. Calon BN di Pendang, Datuk Othman Abdul menang dengan majoriti 283 undi, manakala di Anak Bukit, Datuk Zakaria Said tewas dengan majoriti 508 undi.

Othman memperoleh 22,825 undi berbanding Dr Mohamad Hayati Othman, 22,542 undi. Kedua-dua parti berjaya meningkatkan jumlah undi berbanding 19,474 undi Othman pada 1999, manakala undi Pas daripada 22,413 undi.

Di Anak Bukit pula, BN berjaya mengurangkan majoriti Pas daripada 1,840 kepada hanya 508 undi.

Walaupun kalah, BN berjaya menambah undi daripada 6,640 pada 1999 kepada 7,790 undi kali ini, berbanding Pas apabila undi Amiruddin Hamzah merosot daripada 8,480 kepada 8,298 undi..

Berdasarkan kepada statistik berkenaan, sokongan kepada Pas dan Umno tidak banyak berubah jika dibandingkan dengan keputusan pilihan raya 1999.

Ia kerana undi BN dan Pas di Pendang meningkat apabila bilangan yang keluar mengundi lebih banyak kali ini. Di Anak Bukit pula walaupun BN berjaya menambah sebanyak 1,150 undi kemerosotan undi Pas pula hanya 182 undi.

Justeru, Umno dan Pas masing-masing belum boleh mendakwa menerima sokongan yang mantap. Tambahan pula masing-masing menang satu kerusi di Pendang dan Anak Bukit.

Seperkara lagi mengenai pilihan raya itu ialah kemampuan Umno dan Pas mengekalkan populariti, sekali gus memberi gambaran bahawa pertembungan bagi menentukan parti mana paling relevan untuk Melayu akan ditentukan pada pilihan raya umum akan datang yang disebut-sebut bakal diadakan tahun

depan.

Ia juga menunjukkan BN dan Umno tidak boleh terlalu leka dengan kejayaan merampas semula Pendang kerana kekalahan di Anak Bukit, walaupun hanya kerusi DUN memberikan bayangan bahawa Pas masih mampu 'menggigit'.

Tanggapan kononnya kejayaan pembangkang pada 1999 tidak akan berulang di Pendang dan Anak Bukit kerana ketika itu mereka dibantu isu Datuk Seri Anwar Ibrahim juga kurang tepat kerana Pas kelihatan masih mendapat tempat walaupun BN mendedahkan pekung Pas. Tambahan pula, isu Anwar nampaknya masih memberikan impak kerana parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang bertumpu di Anak Bukit berjaya membantu kemenangan Pas dengan menggunakan isu itu. Bilik gerakan utama Keadilan di Taman Aman bukan saja menjadi tumpuan ahlinya dan Pas, malah ramai pengundi atas pagar hadir setiap kali pemimpinnya berceramah

Pada masa sama, Umno perlu mengambil kira bahawa pilihan raya kecil membolehkan seluruh tumpuan diberikan kepada usaha menggerakkan jentera pilihan raya berbanding pilihan raya umum.

Bagi Pas pula, keputusan kelmarin pasti dijadikan panduan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang. Tambahan pula isu kepemimpinan radikal Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang akan disahkan sebagai presiden Pas tahun depan juga kurang berkesan.

Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Razak mengakui pilihan raya kecil itu memberikan banyak pengajaran dan bakal dijadikan panduan pada masa depan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula berpendapat bahawa BN dan Umno perlu menilai semula banyak perkara bagi menghadapi Pas dan pembangkang yang menggunakan pelbagai taktik untuk menang, termasuk taktik kotor.

Pandangan itu ada kebenarannya kerana selain ancaman lawan, BN juga perlu menghindari ancaman dalaman, khususnya mengenai kesilapan memilih calon, kemungkinan sabotaj serta menggerakkan jentera pilihan raya.

Ia kerana di Anak Bukit, faktor calon dikatakan antara punca kekalahan BN. Selain itu, masalah lama Zakaria dengan bekas Adun, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin turut dikaitkan.

Namun, ada pihak menyatakan bahawa calon Pas turut mendapat undi penyokong Umno sebagai undi protes terhadap calon BN kerana Umno bahagian Kuala Kedah dikatakan berpecah tiga.

"Ada tiga nama berpotensi untuk dicalonkan sebelum ini tetapi pemilihan dua daripadanya akan tetap menimbulkan masalah kerana puak masing-masing tidak akan berpuas hati. Calon ketiga pula dilihat tidak mengancam dan boleh diterima oleh kedua-dua puak itu. Tetapi yang dipilih bukan calon ketiga itu, tetapi salah seorang daripada dua calon terbabit.

"Ini menyebabkan jentera pilihan raya terjejas dan sebilangan penyokong puak yang bertelagah memberi undi kepada Pas sebagai bantahan senyap," kata satu sumber Umno.

Malah, katanya, 'perisytiharan' Abdullah Hasnan yang memberi sokongan kepada musuh lamanya, Zakaria beberapa hari sebelum pengundian kurang memberi kesan. Seperkara lagi mengenai pilihan raya kecil itu ialah kemampuan Umno dan BN mempertahankan Kedah yang kini mempunyai 13 Adun pembangkang dengan 23 Adun BN daripada ancaman pembangkang.

Dengan 12 kerusi Pas dan satu untuk Keadilan, keputusan di Anak Bukit pasti meyakinkan pembangkang untuk menembusi DUN Kedah pada masa depan.

Selain itu, BN tidak menikmati majoriti dua pertiga DUN, sekali gus menyukarkan pemindaan undang-undang. Justeru, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain perlu melakukan sesuatu apabila gagal ujian keduanya semalam selepas gagal kali pertama di Lunas sebelum ini.

Ia penting kerana setakat ini Syed Razak belum begitu meyakinkan rakyat Kedah walaupun beliau kelihatan bekerja keras memajukan negeri dengan meletakkan program Kedah Maju 2010 sebagai pemangkin mengukuhkan kedudukan

BN.

Malah, Azizan sendiri mengakui kejayaan mengekalkan Anak Bukit menguatkan lagi semangat dan peluang untuk menawan Kedah pada pilihan raya akan datang.

Tetapi, tidak semuanya terletak pada bahu Syed Razak kerana yang penting, kerjasama dan percakaran sesama sendiri perlu diatasi kerana ia sering menjadi duri dalam daging bagi Umno setiap kali pilihan raya.

Bagaimanapun, dalam keghairahan Pas meraikan kemenangan di Anak Bukit dan bangga dengan defisit kecil kekalahannya di Pendang, penyokong BN sepatutnya tidak perlu kecewa meskipun keputusan itu seri.

Kejayaan merampas kerusi Pendang sudah cukup manis walaupun majoritinya cuma 283 undi kerana kawasan itu pernah diwakili presiden parti pembangkang utama.

Malah, tewas di Anak Bukit juga boleh dianggap kemenangan moral bagi BN apabila berjaya mengurangkan majoriti Pas kerana mana-mana kawasan yang diwakili presiden parti politik dianggap kubu dan benteng utama bagi parti itu hatta Kubang Pasu sekalipun yang diwakili Dr Mahathir.

"Sebab itulah Pas bermati-matian mahu mempertahankan Pendang dan Anak Bukit. Kalau BN kalah kedua-dua kerusi itu pun, ia boleh dianggap "ok" tapi bukan "ok" bagi Pas jika tewas semuanya, dari segi psikologi sebagai kawasan yang diwakili oleh presiden sesebuah parti," kata pemerhati.

Malah, jentera kempen Pas yang lebih mantap di Anak Bukit juga turut dilihat menyumbang kepada kemenangan Amiruddin, jurutera muda yang berusia 40 tahun.

Sebenarnya, BN menjangkakan kemenangan di Anak Bukit sehingga ramai menteri dan pemimpin kanan parti komponen termasuk dari Umno berkumpul di pusat perjumlahan undi di Auditorium Bernas di Alor Star malam kelmarin, tetapi tidak di Pendang.

Malah, calon BN di Pendang, Datuk Othman Abdul hanya memasuki pusat penjumlahan undi di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, lima minit sebelum keputusan rasmi diumumkan.

Pendang adalah kawasan luar bandar yang majoriti penduduknya petani, manakala di Anak Bukit pula adalah kawasan bandar dan pinggiran bandar, menyebabkan sesetengah isu yang dipaparkan boleh "memakan tuan".

Isu penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik misalnya, kurang berkesan di Pendang tetapi berkesan digunakan Pas di Anak Bukit.

Sebahagian penduduk di Pendang dikatakan menyampah melihat telatah Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai "tuhan gila" dan ungkapan "Uk uk uk" dalam klip video yang disiarkan di TV1.

Tanggapan pembangkang kononnya kehadiran Dr Mahathir berucap mengenai Islam serta membidas Abdul Hadi dan Datuk Nik Aziz Nik Mat di Pendang yang penduduknya secara tradisi adalah penganut Islam yang kukuh pegangannya bakal menjejaskan peluang BN tidak menjadi kenyataan.

Malah, BN bukan saja menang di Pendang, malah berjaya mengurangkan majoriti Pas di Anak Bukit yang turut dihadiri oleh Dr Mahathir sepanjang tempoh berkempen.

Bagi merumus keputusan pilihan raya kecil itu, keputusan seri 1-1 menunjukkan kedua-dua Umno dan Pas akan terus bertembung untuk menentukan parti mana yang mendapat tempat paling banyak di hati rakyat.

Umno pastinya mahu membuktikan bahawa ia masih relevan untuk kaum Melayu dan penjaga kesucian agama Islam negara ini, manakala Pas pula berhasrat membuktikan ia adalah relevan untuk Melayu dan Islam.

Justeru, keputusan seri kelmarin bermakna akan ada masa tambahan, iaitu pada pilihan raya umum akan datang yang akan menentukan pemenangnya.